



22 MAR, 2024

Rumah sewa jadi stor simpan arak seludup

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menumpaskan aktiviti penjualan minuman keras seludup dalam sebuah rumah yang dijadikan stor penyimpanan di Bangsar, di sini, pada 6 Mac lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, sepasukan anggota Zon Tengah Unit 1 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melaksanakan Op Kontraban dan menyerbu premis berkenaan kira-kira jam 1.30 tengah hari.

“Dalam serbuan itu, pasukan menemui 15,320 liter minuman keras pelbagai jenama dianggarkan bernilai sebanyak RM635,500 membabitkan jumlah cukai dan duti dianggarkan

Rumah sewa jadi stor simpan arak seludup



NORLELA bersama pegawainya dalam sidang media mengenai kes Op Kontena dan Op Kontraban di Kompleks JKDM Zon Tengah, semalam.

RM812,200.

“Kita turut menahan seorang lelaki berusia 60 tahun yang menjaga kedai-

man itu bagi membantu siasatan,” katanya dalam sidang media di Kompleks JKDM Zon Tengah, di sini,

semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati modus operandi sindiket adalah

15,320l
Jumlah minuman keras pelbagai jenama ditemui

menyewa kediaman untuk menyimpan bekalan-bekalan sebelum diedarkan ke pasaran sekitar Lembah Klang.

Bagaimanapun, katanya, siasatan lanjut masih dijalankan termasuk mengenal pasti pemilik premis.

Dalam kes berasingan, Norlela berkata, pihaknya berjaya mematahkan aktiviti penyeludupan rokok di sebuah rumah di Jalan Ban-

jaran, Kempas Baru, Johor pada 27 Februari lalu.

Menurutnya, serbuan jam 8.10 malam itu menemukan 415,600 batang rokok putih dan kretek pelbagai jenama yang disyaki tidak berkastam.

“Kesemua rampasan itu dianggarkan bernilai RM77,600 membabitkan cukai dan duti berjumlah RM282,000.

“Kita masih mengesan pemilik rumah dan individu yang terbabit penjualan barang seludup itu untuk siasatan lanjut,” katanya.

Katanya, kedua-dua kes berkenaan diasas mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.



22 MAR, 2024

Rumah sewa jadi stor simpan arak seludup

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

1 5 ,3 2 0 I Jumlah minuman keras pelbagai jenama ditemui Kuala Lumpur: Ja b a t a n Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menumpaskan aktiviti penjualan minuman keras seludup dalam serbuan di sebuah rumah yang dijadikan stor penyimpanan di Bangsar, di sini, pada 6 Mac lalu.